# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 8 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br>12. | KEPUTUSAN TAMBAK LAUT BELUM DIMUKTAMADKAN, NASIONAL, BH -69<br>KELULUSAN TAMBAK LAUT P.PINANG BELUM MUKTAMAD, DALAM NEGERI, BH -49<br>PESTA DURIAN WOW WILD BENTONG, K2, KOSMO -24<br>HAS NOT APPROVED LAND RECLAMATION PLAN ON SOUTHERN PART OF PENANG ISLAND, NATION, CHINA PRESS -A9<br>PENANG LAND RECLAMATION PROJECT IS AWAITING REPORTS FROM ALL PARTIES, NATION, SIN CHEW DAILY -9<br>SALAHUDDIN WILL ONLY COMMENT AFTER RECEIVE MORE REPORTS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A7<br>MASALAH PENGAIRAN, SALIRAN PERTANIAN MERUNCING, DALAM NEGERI, UM -12<br>AGRICULTURE MINISTER: RM1 BIL ALLOCATED TO BUILD CANAL, WORK EXPECTED TO BE COMPLETED IN 10, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>RM1 BIL WATER SUPPLY TRANSFORMATION TO HELP IRRIGATION OF FARMLAND IN KEDAH, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A9<br>WATER SUPPLY PROJECT COMPLETES 30 PCT IN JENIANG, NEWS, GUANG MING DAILY -A8<br>JUALAN DURIAN DALAM PASARAN TEMPATAN TIDAK JEJAS, BISNES, SH -27<br>DPM TO FOCUS ON NON-TRADE ISSUES DURING CHINA VISIT, NATION, THE STAR -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 13. | TERENGGANU PUSAT KELUAR SUSU KAMBING, BISNES, BH -24 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 14. | SITA BOT BERNILAI RM2 JUTA, SETEMPAT, HM -21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15. | 30 TAN BUAH-BUAHAN DIJUAL MURAH, NEGERI, SH -37 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 16.<br>17.<br>18.<br>19. | TAMAN BOTANI NEGARA DIBUKA SEMULA, NEGARA, KOSMO -16<br>TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM DIBUKA SEMULA, NASIONAL, BH -69<br>TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM DIBUKA SEMULA, SETEMPAT, HM -3<br>TAMAN BOTANI NEGARA RE-OPENED, CENTRAL, CHINA PRESS -C2 | TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA) |
| 20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27. | CEGAH SIKAP GEMAR MEMBAZIR MAKANAN, NEGARA, KOSMO -10<br>LOCAL FRUITS PRICEY DUE TO LOW SUPPLY, NATION, THE STAR -4<br>MOVE TO COMBAT FISH BOMBING MENACE, NATION, THE STAR -10<br>GROWING CALLS FOR CRACKDOWN, NATION, THE STAR -10<br>FISH BOMBING HURTING SEMPORNA, NATION / NEWS, NST -11<br>GABUNG LADANG PENEROKA FELDA, SAMBUTAN HARI PENEROKA FELDA 2019, SH -2<br>A SETTLEMENT APART, NEWS / STORY OF THE DAY, NST -2<br>'MERGE SETTLERS' LAND FOR HIGHER YIELDS', NATION, THE STAR -2 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 69 |

# Keputusan tambak laut belum dimuktamad

## Kerajaan tunggu laporan, sebelum bentang pada Mesyuarat MPFN

**Oleh Muhammad Yusri Muzamir**
yusri.muzamir@bh.com.my



***Salahuddin melihat hasil laut*** *yang didaratkan oleh nelayan tempatan pada Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 34 PEN Mutiara di Batu Maung, Pulau Pinang, semalam.* [Foto Ramdzan Masiam /BH]

**Georgetown:** Kerajaan belum memuktamadkan keputusan berhubung kelulusan bagi projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya kini masih menunggu laporan daripada beberapa pihak berhubung pelaksanaan cadangan itu.

"Laporan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) akan datang kerana walaupun laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) sudah diluluskan, ia tak bermaksud PSR turut diluluskan.

"Apa-apa pun kita ambil maklum pandangan semua pihak dan ia akan dibentangkan dalam mesyuarat itu nanti. Kita akan pastikan kepentingan nelayan dan semua pihak diambil kira oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Ke-34 Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiara) di sini, semalam.

Yang turut hadir, EXCO Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Afif Bahardin dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Sebelum ini, MPFN dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bersetuju dengan pelaksanaan PSR dan meminta kerajaan negeri mematuhi 18 nasihat yang ditetapkan.

Kerajaan Pulau Pinang bercadang menjalankan projek PSR dengan keluasan lebih 2,600 hektar bagi membina tiga pulau buatan untuk membiaya Pelan Induk Pengangkutan (PIP), dianggar bernilai RM49 bilion dan melantik SRS Konsortium sebagai Rakan Pelaksana Projek (PDP).

Projek mega itu bagaimanapun mendapat tentangan pelbagai pihak dengan golongan nelayan tradisi di negeri ini dikatakan paling teruk terjejas, selain ia dilapor boleh mengubah sempadan laut negara dan mungkin menimbulkan masalah dengan negara jiran.

Sementara itu, Pengerusi PEN Mutiara, Nazri Ahmad, berkata nelayan di Pulau Pinang tetap dengan pendirian membantah projek PSR yang akan memberi kesan besar kepada masa depan mereka.

"Kita juga tidak mengetahui mengenai untung nasib kami dan pelan pemuliharaan ekoran daripada projek ini. Kita gesa kerajaan mengambil kira suara dan nasib kami sebelum membuat sebarang keputusan berhubung projek ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 49 |




SALAHUDDIN AYUB menyerahkan cek Tabung Bantuan Kebajikan Nelayan Pen Mutiara kepada wakil nelayan dalam majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 34/2019 persatuan itu di Batu Maung, Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN.

# Kelulusan tambak laut P. Pinang belum muktamad

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 7 JULAI

KEPUTUSAN berkenaan projek tambak laut bagi membentuk tiga buah pulau buatan di selatan perairan negeri ini (PSR) belum dimuktamadkan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, ini kerana kerajaan masih perlu meneliti hasil laporan dan kajian daripada pelbagai pihak berkaitan projek itu yang akan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) akan datang.

Menurut beliau, kerajaan ketika ini masih menunggu laporan kajian itu daripada pihak berkaitan sebelum MPFN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bermesyuarat.

"Kerajaan mendengar dan mengambil maklum apa yang dibangkitkan oleh semua pihak termasuk persatuan nelayan dan kita akan pastikan dalam keputusan itu kelak, kepentingan nelayan dan semua pihak akan diambil kira oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Ke-34 Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara) di sini hari ini.

Sebelum ini, Ketua Menteri, Chow Kon Yeow mengesahkan sudah menerima surat kelulusan bagi laporan kesan penilaian alam sekitar (EIA) projek PSR daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang disertakan bersama-sama 72 syarat dan nasihat yang perlu dipatuhi kerajaan negeri.

Kerajaan negeri sebelum ini mengumumkan pelaksanaan projek tambakan laut seluas kira-kira 1,800 hektar itu di Permatang Damar Laut di sini bagi membina tiga pulau buatan untuk tujuan pembangunan.

Sementara itu, Pengerusi Pen Mutiara, Nazri Ahmad, berkata, nelayan di negeri ini tetap dengan pendirian membantah projek PSR tersebut yang akan memberi impak besar kepada masa depan mereka serta menjejaskan ekosistem marin negeri ini.

Lebih mengecewakan, jelas beliau, kelompok nelayan juga tidak jelas mengenai nasib mereka sekiranya projek tambak laut itu diteruskan selepas seolah-olah tidak mendapat perhatian pihak berwajib meskipun terkesan secara langsung ekoran rancangan tambak laut berkenaan.

"Sebab itu kita harap kerajaan turut memasukkan mengenai nasib kami di dalam laporan EIA itu termasuk pelan rasionalisasi supaya masa depan kami terbela," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | KOSMO | K2 | 24 |

 FOTO MOHD. NAJIB MOHD. NOOR




KAWASAN tanah dan persekitaran yang baik di Bentong sesuai untuk penanaman durian.

BENTONG merupakan antara kawasan di barat Pahang yang terkenal dengan durian bermutu tinggi.

# Pesta durian Wow Wild Bentong

PADA awal Mac lalu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengiktiraf kawasan di barat Pahang yang meliputi daerah Raub, Lipis, Cameron Highlands dan Bentong sebagai Wilayah Pelancongan Durian kerana mempunyai kawasan penanaman serta pengeluaran durian terbesar di negara ini.

Pengeluaran durian yang tinggi di kawasan berkenaan khususnya Bentong dan Raub mampu menjadikan lokasi tersebut sebagai kawasan ekopelancongan dan agropelancongan.

Atas inisiatif berkenaan, satu karnival dikenali Wow Wild Bentong (WWB) akan diadakan di Tapak Karnival Bentong pada 12 hingga 14 Julai ini.

Karnival tersebut merupakan anjuran Persatuan Penggerak Hijau Bentong.

Pengarah Projek Karnival WWB, Mohd. Faizal Izwan berkata, terdapat banyak aktiviti dianjurkan sepanjang tiga hari program berkenaan berlangsung.

"Antara yang paling utama tentulah aktiviti berkaitan durian seperti penjualan durian dengan harga runtuh, demonstrasi memasak, lelongan durian terbaik dan penjualan produk berasaskan durian.



DURIAN yang dianggap sebagai Raja Buah mempunyai ramai penggemar di negara ini. – Gambar hiasan

"Durian dari Bentong amat bermutu tinggi. Antara yang akan dijual pada harga rendah daripada harga pasaran adalah durian jenis Musang King, D24, IOI dan durian kampung," katanya ketika ditemui di ibu pejabat *Kosmo!* baru-baru ini.



MOHD. FAIZAL

## Temuan

Selain itu terdapat juga pelbagai aktiviti menarik yang sesuai untuk disertai seisi keluarga seperti peraduan mewarna, pameran gerai makanan serta produk, persembahan karaoke, pertandingan modifikasi motosikal tercantik dan persembahan malam kebudayaan.

Di samping itu, Mohd. Faizal memberitahu, karnival itu juga ingin memberi peluang kepada Orang Asli suku Temuan di kawasan Bentong memperkenalkan budaya, tradisi dan produk-produk mereka.

"Kami berasa seronok apabila mereka (Orang Asli) bersetuju untuk sama-sama menyertai karnival ini. Mereka begitu bersemangat melakukan latihan tarian tradisional untuk dipersembahkan kepada pengunjung pada malam kebudayaan kelak.

"Selain itu, mereka juga ada membuat beberapa produk kraf tangan untuk dijual dan dipamerkan pada orang ramai," ujarnya.

Tambah Mohd. Faizal, aktiviti WWB sebenarnya bukan saja untuk memperkenalkan kepada orang luar dari Bentong melihat keistimewaan yang terdapat di kawasan berkenaan, malah memberi peluang kepada penduduk dan masyarakat setempat mempamerkan bakat masing-masing.

"Kami berharap agar ramai masyarakat di luar sana dapat hadir dan menyertai aktiviti yang disediakan bersama-sama.

"Kami jamin sepanjang tiga hari karnival berlangsung, pengunjung tidak akan bosan untuk mengikuti pelbagai acara sama ada yang berlangsung di tapak karnival mahupun di kawasan-kawasan lain," tuturnya.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai karnival tersebut, layari Facebook *Wow Wild Bentong*.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Has not approved land reclamation plan on southern part of Penang island | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A9 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 629 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,407 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 37,222 |





■沙拉胡丁（左5）移交渔民福利基金给4大渔民组织。

# 國家實體規劃理事會
# 未批檳島南部填海計劃

（檳城7日訊）国家实体规划理事会（MPFN）尚未批准槟岛南部填海计划。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁透露，尽管环境局有条件的批准南部填海计划的环境评估报告，但是国家实体规划理事会还在等待其他部门的报告，方能做决定。

他说，所有涉及单位将会在国家实体规划理事会下一次的会议上提呈报告，不过下次的会议日期未知，一般上一年会举行3次会议，会议是由首长主持。

## 以人民利益為主

他是今日为槟州渔民协会第34届大会开幕後，针对槟州渔民协会坚决反对南部填海计划一事，如是回应。出席者有该协会主席纳兹里、大马渔业发展局主席莫哈末法依斯、槟州农业及农基工业委员会主席阿菲夫、槟州及大马渔民协会注册官嘉玛鲁丁。

他指出，国家实体规划理事会已経聆听各方的意见，而且也给环保组织机会发表看法。

"所有的决定都是会人民的利益为主。"

他在较早致辞时也說，他有出席两项他部门负责的重要会议，包括首相与州委大臣及首长的会议，以及国家实体规划理事会。

"国家实体规划理事会会议上会详细讨论国家的大型计划，之後才做决定，而所做的决定也是以人民利益为根据。"

同时，他也在记者会上透露，他将会在明日（周一）的国会上，提呈修改1985年渔业法令，让浅海渔民能到公海捕鱼。

他指出，这也是我国首次修改法令，让渔民到公海捕鱼，政府将会提供训练给渔民，以让外国渔民能够与外国渔民在公海竞争。



■沙拉胡丁（前左5）为槟州渔民协会会员大会主持开幕。左2起嘉玛鲁丁、阿菲夫、莫哈末法依斯、纳兹里及阿都哈林。

## 反對南部填海計劃
## 檳漁民協會呈備忘錄

槟州渔民协会连同槟城论坛，将在11日（周四）到国会提呈反对南部填海计划备忘录。

纳兹里强调，该协会坚决反对南部填海计划，这并非是对抗政府，而是填海严重的影响了渔民的生计。

他说，在环境评估报告内，并没有列出填海对海产繁殖、海洋生态系统、渔民发展的计划，因此他促请渔业发展局为渔民挺身而出，至少在环境评估报告内列出填海对渔民的社会影响评估报告。

同时，他也要求当局能够委任渔民协会管理峇都茅渔港，长达15年至2034年，相信该协会以渔民的专业能把港口打理得好，若不好可以撤除该协会的管理权。

对此，沙拉胡丁指当局会考虑这项建议，也会与农业及农基工业委员会及渔业发展局讨论，任何的决定都会考虑到每一个人。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Penang land reclamation project is awaiting reports from all parties | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 9 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 217 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,576 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,727 |



# 「檳填海計劃等各方報告」

## 農長：包括環境局72條件



槟州渔民协会大会赠送纪念品仪式，左起阿都哈林、嘉玛鲁丁、法依斯、沙拉胡丁、纳兹里和阿菲夫

（槟城7日讯）针对槟岛南部填海计划（PSR），农业及农基工业部部长拿督沙拉胡丁说，国家实体规划理事会仍等待各方报告，包括由环境局提出的72项附带条件，才能做出定论

他今日出席槟州渔民协会2019常年大会受询时说，根据他上两个月出席国家实体规划理事会会议所了解，当局已听取包括环境局的意见，并正等待各方的进一步报告，才能做出最终决定

当记者追问，目前环境评估报告（EIA)已获批，但国家实体规划理事会仍未通过，是否无法落实填海计划时，他回应说，这有待下一次会议再决定

他说，该会议一年有3次，而被询及下一次会议在何时时，他则不清楚

他说，州和联邦政府仍在等待各相关单位的报告的和评估，包括环境局的72项的附带条件、渔业影响评估、社会影响评估、环境影响评估和交通影响评估等

## 槟渔协坚决反对填海

"政府将确保该计划的落实，有顾及渔民和各方的利益。"

槟州渔民协会主席纳兹里重申该会坚决反对槟岛南部填海计划

他说，填海计划的环境评估报告并未纳入渔民发展、海洋生态和恢复海洋生态的内容，该计划会对海洋生态和渔民生计带来负面影响

长期关注槟岛南部填海计划的非政府组织槟城论坛的成员邱思妮则说，他们将在本周四随同槟州渔民协会到国会提交备忘录

## 今法案二读 以允公海捕鱼

另外，沙拉胡丁说，他周一将在国会提呈1985年渔业修正法案二读，以允许公海捕鱼和发出金枪鱼捕鱼执照

他说，金枪鱼可为我国发来庞大的回酬，而随着这项法案通过，渔民将能在不受干扰的情况下作业

他也说，政府目前正在重新检讨渔民的津贴制，看是否转为以目标式津贴和以产量为依据的津贴制，即生产越多则可获更高津贴

出席者尚有大马渔业发展局主席莫哈末法依斯、大马渔业局总监兼大马渔民协会注册官嘉玛鲁丁、槟州行政议员阿菲夫和阿都哈林

Powered by: isentia

| Headline | Salahuddin will only comment after receive more reports | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A7 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 195 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,186 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,559 |





移交支票仪式。左 2 起为阿都哈林、查马鲁丁、法伊兹、沙拉胡丁阿育；右 4 起为阿菲夫及纳兹里。

## 尚未批槟南部填海计划

# 农长：需各方呈报告才定论

（槟城 7 日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育表示，国家实体规划理事会尚未批准槟城南部填海计划，需待各方提呈报告后，才作出定论。

他指出，该理事会还在等待各方进一步报告，当中也包括环境部的 72 项附带条件，之后该理事会才会召开会议商讨此事。

询及何时召开会议时，他回应，该会议一年进行三次，但他不清楚下次会议的日期。

沙拉胡丁阿育是于周日下午出席槟州渔民协会常年大会时，如是表示。

他较早前致词时说，州政府及中央政府还在等待相关单位的报告及评估，包括环境部的 72 项的附带条件、渔业影响评估（FIA）、社会影响评估（SIA）、环境影响评估（EIA）和交通影响评估（TIA）。

不过，他相信所有政府将实施的计划可对人民产生正面影响。

槟州首席部长曹观友于日前证实，州政府已收到环境部传真通知，槟城南部填海计划在有条件下获得批准。最新的环境评估报告显示，所需遵守的条件已增至 72 项。

### 呈渔业修正法案

此外，沙拉胡丁阿育表示，他将于周一在国会上提呈 1985 年渔业修正法案二读，允许发出公海捕鱼及金枪鱼捕鱼执照。

他解释，修正法案是因为捕捉金枪鱼可带来不小的回酬，也可让渔民在没有干扰的情况下捕鱼。

他也说，该部将重新检讨渔民的津贴机制，改为采用目标式津贴机制(targeted subsidiary)，并以产量为依据，即产量越多，获得的津贴也越多，但该机制还在研究阶段。

出席者尚有大马渔业发展局主席法伊兹、大马渔民协会注册官查马鲁丁、槟州行政议员阿菲夫、拿督阿都哈林、槟城论坛成员邱思妮等。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |



SALAHUDDIN AYUB (duduk, tengah) bersama peserta Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran (Manco) kali ke-23 di Johor Bahru, Johor, semalam. - UTUSAN/ BAAZLAN IBRAHIM

# Masalah pengairan, saliran pertanian meruncing

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 7 JULAI

MASALAH pengairan dan saliran dalam bidang pertanian di negara ini kini semakin kritikal berikutan perubahan iklim dan persekitaran yang semakin ekstrem.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya akan mengoptimumkan semua agensi dan jabatan dalam menggunakan kepakaran yang ada bagi menyelesaikan masalah tersebut.

"Kita juga akan memohon bajet tambahan sekiranya perlu dalam usaha mengatasi masalah pengairan dan saliran di kawasan pertanian bagi memastikan pengeluaran bahan makanan negara tidak terjejas.

"Permohonan ini akan dihantar sebelum berunding dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Bajet ini untuk mendapatkan contohnya tambahan pam dan peralatan-peralatan, sekarang ini kita tidak cukup bajet," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Tahunan Pengairan dan Saliran (Manco) kali ke-23 di Hotel KSL di sini hari ini. Yang turut hadir Pengerusi Persatuan Kebangsaan bagi Pengairan dan Saliran Malaysia (Mancid), Ir. Ahmad Idrus.

Salahuddin berkata, pihaknya juga sedang mencari jalan berdepan musim banjir pada hujung tahun ini yang dijangka merosakkan kawasan pertanian.

"Musim kemarau telah pun berlalu dan selepas ini kita akan berdepan masalah banjir. Kita sudah ada pengalaman pada masa lalu dalam menangani masalah ini dengan mewujudkan kerjasama. Kemarau atau banjir isu ini akan kita dapat atasi sebaik mungkin," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, projek Jeniang Transfer untuk bekalan air untuk penduduk dan kegunaan pertanian di Kedah kini sudah siap 30 peratus dan akan memasuki fasa yang baharu tidak lama lagi.

Kata Salahuddin, projek berkenaan akan siap dalam tempoh 10 tahun lagi dan akan membekalkan sumber air yang cukup untuk kawasan jelapang padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Selain itu katanya, bagi mengatasi masalah bekalan air untuk kawasan pertanian di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Kelantan, perkara tersebut berpunca daripada sumber air di Sungai Kelantan.

Jelasnya, pihak kementerian sedang dalam usaha menyelesaikannya dan beberapa langkah sudah pun dikenal pasti bagi memastikan kawasan KADA mempunyai bekalan air yang mencukupi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Minister: RM1bil allocated to build canal, work expected to be completed in 10 | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 330 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,151 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,453 |






阿末达鲁斯（左起）与沙拉胡丁巡视参展摊位。

# 农长：改善仁岭稻田灌溉

# 10亿建运河料10年完工

（新山7日讯）农业及农基工业部长沙拉胡丁透露，政府于2017年拨出10亿令吉在吉打仁岭进行仁岭运河转播站计划，以提供充足的水供灌溉稻田。

他说，该计划兴建在慕达农业发展局（MADA）地区，并于去年进入第二阶段，现已完成30%，相信能在10年内或更早完成。

沙拉胡丁是于今早为由国家水利灌溉机构主办的“第23届国家水利灌溉论坛”主持开幕仪式后这么表示。

他也说，目前吉兰丹的阁姆农业发展局，仍主要依赖吉兰丹河流灌溉，惟这存在许多问题。为此，该部将与国家水利灌溉机构等单位合作，为该局提供专业咨询。

询及如何解决因天灾及旱灾，影响农作物生产的问题，他表示会确保所有单位履行他们的职责，同时希望经济事务部在该部门有需要时，相应地提供拨款。

沙拉胡丁也透露，他将出席9月份在印尼峇厘岛举行的世界灌溉论坛。

出席者包括国家水利灌溉机构主席阿末达鲁斯。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | RM1bil water supply transformation to help irrigation of farmland in Kedah | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A9 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 185 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,245 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,735 |

# 10亿转型水供助灌溉吉州农田

**新山7日讯**｜农业与农基部长拿督沙拉胡丁阿育表示，耗资10亿令吉打造的吉打仁加（Jenjang）转型水供计划将耗时10年完成，以解决该户稻田、农业的水供问题。

他指出，我国的农田水利灌溉系统大受到很大的挑战，并透过其他东盟国家如印度和日本，因此希望在这计划完成后，能协助农田，并提供更完善的水利灌溉。

沙拉胡丁透露，本身有意于今年9月到印度出席亚洲与国际灌溉排水协会（ICID）研讨会，聆听来自各国的水利专家的分享，吸取他们经验，改善我国的水利系统。

沙拉胡丁阿育今日（7日）为第23届大马水利与灌溉研讨会主持开幕仪式后，召开新闻发布会上，这么表示。出席者包括国家水利与灌溉局总监阿蒙达鲁斯等。

沙拉胡丁阿育透露，仁加转型水供计划工程已完成30%，希望工程可以如期或提前完工。

另外，在吉打州尚有两个水供计划在筹建中，他指出未来将有更完善的系统推出。

他说，国家水利与灌溉局将协助该州推动水利灌溉问题，包括寻求科技可能对农业系统的提升。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Water supply project completes 30 pct in Jeniang | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 08 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A8 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 262 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,970 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,909 |



# 仁嶺水供完成30%

## 農長：料10年内竣工

（新山7日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁指出，吉打州面对稻田水供不足的问题，因此展开了一项“仁岭转型”水供计划，目前已完成30%，预计可在未来10年内竣工。

他指出，我国稻田目前仍面对水利灌溉的问题，包括位于吉打州的慕达农业发展局（MADA）及吉兰丹州的格姆布农业发展局（KADA），所管辖的稻田。

他说，其中一项难处在于，格姆布农业发展局的稻田，仍依赖吉兰丹河供应水源。

因此，他希望透过国家水利灌溉机构（MANCID）与该部合作，可为该部提供更多专业的意见。

沙拉胡丁今日为第23届国家水利灌溉机构研讨会主持开幕致词时说，希望这次的论坛可集结各方专家的意见，保证我国的食品安全，以及探讨稻田的水利灌溉问题。

### 探讨稻田灌溉问题

此外，针对如何应对农田面临旱灾及水灾的问题，沙拉胡丁说，他将确保所有相关单位履行职责，同时希望经济事务部能在该部需要时增加预算，以解决有关问题。

他指出，身为新任农业及农基部长，他将代表我国出席于9月1至7日在印尼峇厘岛举行的国际灌溉排水委员会（ICID）第三届世界水利灌溉论坛。

他说，来自各国的农业专才将会在论坛上分享农业科技知识，盼能从中吸取不同的知识，为我国农业带来改变。

出席研讨会开幕仪式者包括国家水利灌溉机构主席阿末达鲁斯、第一副主席阿扎兹。(LSL)



■沙拉胡丁（右二）巡视国家水利灌溉机构研讨会场外的展览，聆听业者讲解水利灌溉科技。左起为阿扎兹及阿末达鲁斯。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | SINAR HARIAN | BISNES | 27 |

# Jualan durian dalam pasaran tempatan tidak jejas

Pengumuman kerajaan untuk mengeksport durian secara sempurna ke China dijangka tidak akan memberi kesan terhadap jualan durian dalam pasaran tempatan.

Sebaliknya Pengarah Urusan Dulai Fruits Enterprise Sdn Bhd (Dulai Fruits), Eric Chan berkata, keputusan itu akan memacu peningkatan permintaan durian dalam pasaran China yang mempunyai potensi besar untuk diterokai sekali gus membantu meluaskan pasaran produk berasaskan durian dalam pasaran global.

"Kami mendapati permintaan durian daripada negara itu meningkat saban tahun sejak Dulai Fruits mula mengeksport durian dalam bentuk pes pada tahun 2011.

"Kebanyakan masyarakat China menyukai durian dari Malaysia yang sedap dan memenuhi cita rasa mereka berbanding dari negara lain," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* baru-baru ini.

Sebelum ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti 14 syarikat tempatan untuk mengeksport durian musang king dalam bentuk buah sempurna ke pasaran China.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kesemua syarikat tersebut telah memenuhi kriteria yang ditetapkan dan kementerian tersebut bersama Kementerian Kesihatan telah membuat penilaian dan mendapati syarikat-syarikat berkenaan memenuhi kriteria dan piawaian yang ditetapkan oleh *General Administration of Customs of People's Republic of China* (GACC).

Memetik kenyataan Salahuddin yang berkata, bahawa daripada 14 syarikat itu, tujuh daripadanya telah dilawati oleh GACC.



DURIAN musang king Malaysia mendapat permintaan tinggi di China.



**ERIC menunjukkan durian musang king yang dijual di Durian Hill yang terletak di Petaling Jaya, Selangor.**

## Tidak jejas pasaran

Salahuddin berkata, pasaran tempatan untuk durian musang king juga tidak akan terjejas meskipun dieksport ke China, malah pasaran durian tersebut lebih meluas bagi produk hiliran berasaskan buah itu.

Menurut beliau, inisiatif itu merupakan satu kejayaan besar bagi kementeriannya dan kementerian berkaitan memandangkan keputusan untuk mengeksport buah berkenaan dalam bentuk buah sempurna diperoleh dalam masa yang singkat.

Bagaimanapun Eric berkata, penguasaan pasaran durian Malaysia dalam segmen pasaran durian di China masih rendah dan ia perlu dikembangkan untuk mengukuhkan kedudukan negara sebagai pengeksport utama durian ke negara itu.

Tambahnya, keprihatinan kerajaan untuk meluaskan pasaran eksport durian ke China secara buah sempurna memberi peluang kepada masyarakat di negara itu mengenali durian dengan tepat.



**Aktiviti eksport durian Malaysia ke pasaran China berpotensi membantu meluaskan pasaran produk berasaskan durian tempatan ke peringkat pasaran global.**

## Teroka pasaran baharu

Ditanya mengenai harga durian yang dijual di negara itu, Eric berkata, ia bergantung kepada keadaan ekonomi semasa dan tidak terlalu mahal.

Katanya, durian akan dieksport pada musim durian iaitu Julai hingga Ogos dan Disember hingga Januari.

"Selain menggunakan durian dari ladang sendiri yang terletak di Pahang, Dulai Fruits turut mengumpulkan durian musang king daripada lebih 20 pengusaha durian di seluruh negara," katanya.

Jelasnya, selain pasaran China yang mencatatkan nilai eksport durian tertinggi iaitu 90 peratus, Dulai Fruits turut mengeksport durian ke Australia, Amerika Syarikat (AS), Hong Kong, Taiwan, Jepun dan Singapura.

"Syarikat merancang untuk menembusi beberapa pasaran baharu antaranya ke Timur Tengah menjelang akhir tahun ini.

"Syarikat juga akan mengeksport durian ke Eropah dalam tempoh dua tahun kerana mempunyai permintaan dan sambutan yang memberangsangkan," katanya.

## Khidmat hantar durian

Eric memberitahu, Dulai Fruits turut memfokuskan pasaran eksport durian dan produk berasaskan durian yang dikilangkan di tiga kilang miliknya yang terletak di Pahang, Melaka dan Selangor.

"Untuk memberikan kemudahan kepada penduduk tempatan mendapatkan pelbagai jenis durian yang dijual antaranya musang king, D24, musang queen (tekka) dari pusat jualan kami di Petaling Jaya, Selangor.

"Malah, kami turut memperkenalkan perkhidmatan penghantaran durian yang dikenali sebagai *Duraln on Demand Delivery* yang diadakan dengan kerjasama sebuah syarikat logistik tempatan, Gotog untuk menghantar terus durian kepada pelanggan di sekitar Lembah Klang.

"Mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut perlu membeli durian sekurang-kurangnya 3 kilogram (kg)," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | THE STAR | NATION | 2 |

# DPM to focus on non-trade issues during China visit

By BEH YUEN HUI
behyh@thestar.com.my

**BEIJING:** Women development, children's affairs and disaster management are on Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail's agenda during her official visit to China.

The Deputy Prime Minister, who is scheduled to arrive today, will be accompanied by Education Minister Dr Maszlee Malik, Deputy Foreign Minister Datuk Marzuki Yahya, Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin as well as Negri Sembilan Mentri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

Upon arrival, she will join 170 Malaysians for dinner at the Malaysian Embassy here.



Malaysian Embassy to China Charge d'Affaires Nuryante Mohd Yazid (*pic*) said that Dr Wan Azizah's trip was significant to further strengthen the bilateral relations between Malaysia and China.

During her four-day visit, Dr Wan Azizah will meet with several senior Chinese leaders, including Vice-President Wang Qishan, Vice-Premier Sun Chunlan, State Councillor Wang Yong and Chinese Communist Party's International Department director Song Tao.

"She will also visit the 660-year-old Dongsi Mosque and Huawei Exhibition Centre," Nuryante told Malaysian press here yesterday.

Dr Wan Azizah will head to the National Disaster Reduction Centre where she will be shown the latest technology used by the country in countering disasters.

She will also be meeting prominent Chinese entrepreneurs and investors in a move to draw more investments to Malaysia.

Before returning home on Thursday, Dr Wan Azizah – who is also Women, Family and Community Development Minister – is scheduled to visit the China Rehabilitation and Research Centre for Hearing and Speech Impairment for Children.

"All this while, the two countries have emphasised more on economy, investment, politics and tourism.

"Her visit will make the 45th anniversary of Malaysia-China relations more meaningful," Nuryante said.

Bilateral ties between Malaysia and China have improved significantly over the past decades.

Last year, bilateral trade between the two nations was recorded at RM313.8bil, an increase of 8.1% compared to the previous year.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 24 |

# Terengganu pusat keluar susu kambing

**Terengganu** bakal menjadi antara pusat pengeluaran susu kambing segar utama negara selepas kilang pemprosesan berteknologi tinggi milik Tenox Agrobusiness (M) Sdn Bhd (Tenox) di Marang mula beroperasi bulan ini.

Pengarah Urusannya, Muhammad Harriz Nordin, berkata dengan operasi kilang pemprosesan susu kambing berteknologi tinggi itu, syarikat menyasarkan mampu mengeluarkan sehingga 8,000 liter susu kambing segar sehari.

Beliau berkata, kerja pemasangan mesin baharu yang dibeli pada 2017 siap dilakukan dan proses percubaan untuk pengeluaran susu kambing segar sebanyak 500 liter sehari berjaya dilakukan.

Katanya, permintaan susu kambing segar daripada masyarakat negara ini amat menggalakkan dan dijangka mampu memberi keuntungan selepas tiga tahun beroperasi.

"Mesin dianggarkan bernilai RM700,000 itu bukan sahaja mampu memproses susu segar, sebaliknya boleh menghasilkan pelbagai produk tenusu termasuk sabun mandi, susu pelbagai jenis perisa, didih dan aiskrim," katanya ketika ditemui selepas majlis doa selamat pra-pembukaan kilangnya di Akademi Pengembangan Veterinar Terengganu, dekat Marang, baru-baru ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 21 |




NORAISYAH (kanan) bersama pegawainya memeriksa empat bot nelayan kerana menjalankan kegiatan menangkap ikan di kawasan larangan.

# Sita bot bernilai RM2 juta

**Bayan Lepas:** Seramai 14 nelayan termasuk tiga tekong warga tempatan ditahan di dalam empat bot bersama hasil laut di perairan selatan negeri ini, awal pagi kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Noraisyah Abu Bakar berkata, kumpulan berusia antara 25 dan 55 tahun berkenaan menggunakan empat bot dan dikesan menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

Katanya, mereka ditahan di kawasan 2.6 batu nautika dari Pulau Kendi dan 2.9 batu nautika dari Pulau Rimau.

"Mereka mempunyai lesen menangkap ikan yang sah namun dilarang melakukannya kurang 15 batu nautika dari pesisir pantai.

"Susulan itu, kami menyerbu kumpulan nelayan ini dan menahan mereka berdasarkan laporan diterima," katanya pada sidang media di Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung, semalam.

Beliau berkata, hasil tangkapan mereka bernilai RM3,500 juga dirampas selain menyita bot dianggarkan bernilai lebih RM2 juta.

Dalam kejadian berasingan, dua beranak lelaki berusia 42 dan 15 tahun dikesan mengubah suai bot mereka dan menggunakan pukat apollo bagi menangkap ikan di Sungai Chenaam di Seberang Perai Selatan.

Katanya, bapa dan anak lelakinya itu menyangkut pukat apollo di antara bot yang diubah suai berkenaan sebelum menyusuri sungai.

"Pukat ini dilarang penggunaannya kerana membahayakan spesies ikan kecil yang menjadi sumber marin di kawasan itu," katanya.

Menurutnya, bot berharga RM40,000 dan hasil tangkapan dianggarkan RM200 dirampas bagi tindakan selanjutnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | SINAR HARIAN | NEGERI | 37 |

# 30 tan buah-buahan dijual murah

**SUNGAI PETANI** - Sekurang-kurangnya 30 tan buah-buahan bermusim dikumpulkan sempena Hari Bertemu Pelanggan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) pada 13 dan 14 Julai ini.

Pengarah Fama Kedah, Anuar Mohamed berkata, dengan harga ditawarkan antara lima hingga 20 peratus lebih rendah daripada pasaran, program itu dijangka akan menjadi tumpuan warga utara mendapatkan buah-buahan segar dari ladang.

Menurutnya, program peringkat negeri yang diadakan di Pusat Operasi Fama Sungai Petani itu disertai kira-kira 30 usahawan.

"Kita mengalu-alukan orang ramai untuk datang dan memeriahkan program pada Sabtu dan Ahad depan bagi mendapatkan buah-buahan segar dengan harga lebih rendah daripada pasaran," katanya ketika menghadiri Program Dusun Dalam Pekan @ Pasar Tani Sungai Petani di sini semalam.



Seramai 25 murid dari golongan B40 diberi peluang merasai buah-buahan percuma di Pasar Tani Sungai Petani semalam.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah Kuala Muda, Rozaimie Abd Rahim; Pegawai Fama Kuala Muda, Mohd Fauzi Hashim; Pegawai Perpaduan Daerah, Mohd Fakhzan Nasir dan Penaung Persatuan Kebajikan Pasar Tani Sungai Petani, Datuk Shahanim Mohamad Yusoff.

Sementara itu, Rozaimie berkata, seramai 25 murid B40 dihidangkan buah-buahan termasuk durian sempena program Dusun Dalam Pekan.

Katanya, pada program itu pelanggan diberi peluang menikmati buah-buahan yang dibeli di pasar tani melalui konsep pilih, timbang, bayar dan makan tanpa perlu membawa pulang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Taman Botani Negara dibuka semula

**SHAH ALAM** – Taman Botani Negara di Bukit Cerakah di sini, yang ditutup sejak awal Mac lalu dibuka semula kepada orang ramai semalam.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehhudin Hassan berkata, pembukaan semula taman botani itu dilakukan lebih awal bagi membolehkan orang ramai melakukan aktiviti riadah bersama keluarga.

"Taman botani ini sebelum ini ditutup kerana kerja pembersihan dan pemulihan akibat kejadian ribut yang melanda awal Mac lalu.

"Namun hari ini (semalam) kita mahu menguar-uarkan kepada orang ramai bahawa kita buka kembali operasi taman ini tetapi terhad kepada laluan A sahaja kerana kawasan ini menjadi tarikan kepada orang ramai untuk aktiviti riadah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Fun Run sempena pembukaan semula taman botani itu, di sini.

Beliau berkata kawasan yang dibuka kepada orang ramai itu antaranya laman padi, taman rempah ratus, taman haiwan dan dewan keraian.

Katanya, walaupun kawasan berkenaan masih dalam kerja baik pulih, tetapi orang ramai masih boleh melakukan aktiviti riadah selain melakukan lawatan untuk tujuan pendidikan. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 8/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 69 |

# Taman Botani Negara Shah Alam dibuka semula

**Shah Alam:** Selepas empat bulan ditutup berikutan kerosakan teruk akibat dilanda ribut, Taman Botani Negara Shah Alam (TBNSA) dibuka semula kepada orang awam bermula semalam.

Bagaimanapun, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salehhuddin Hassan, berkata hanya Laluan A yang dibuka untuk dikunjungi.

"Ribut yang melanda pada 10 Mac lalu menyebabkan hampir 40 peratus kawasan taman termasuk fasiliti terjejas justeru kita mengambil masa untuk membuka kembali kepada pengunjung.

"Bagaimanapun, hanya Laluan A yang dibuka ketika ini, manakala laluan B dan C masih dalam proses pembersihan dan pemulihan," katanya pada sidang media pembukaan semula dan aktiviti Fun Run TBNSA, di sini semalam.

Yang turut hadir, adalah Pengarah TBNSA, Ismail Muhamed.

Salehuddin berkata, taman berkenaan dibuka lebih awal walaupun kerja pembersihan dan pemulihan belum selesai sepenuhnya kerana ia mendapat sambutan menggalakkan pengunjung dari sekitar Lembah Klang.

